

31/08/2002

Revolusioner, cauvinis calar perpaduan

Zainuddin Maidin

RAKYAT telah membentuk sejarah negara ini dengan menyokong tindakan politik yang bersifat evolusi dalam perjuangan kemerdekaan hinggalah kepada pengisian kemerdekaan itu sendiri. Maruah dan penghormatan negara hari ini dibina atas keupayaan kita menekan kebangkitan cauvinisme, ekstremisme dan fanatisme dari semasa ke semasa.

Generasi muda yang tidak melalui sendiri proses ini tidak dapat menilai sejarah ini.

Pemimpin pertama Umno, Datuk Onn Jaafar, telah berjaya mengalih orang Melayu daripada perjuangan kemerdekaan berorientasikan revolusi Indonesia kepada perjuangan secara evolusi untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British.

Titik tolak keyakinan ini ialah apabila beliau berjaya membangunkan perpaduan Melayu untuk mengalahkan Malayan Union pada 1946.

Nasionalis Melayu kiri, yang antara mereka dari keturunan Indonesia, berasa kecewa dan menganggap Datuk Onn sebagai alat atau boneka British. Dendam kekecewaan ini tidak berakhir hingga ke hari ini.

Mereka meneruskan perjuangan di barisan depan dan juga di dalam hutan. Beberapa nasionalis Melayu menyertai gerakan Parti Komunis Malaya.

Golongan ini tidak dapat menerima kemerdekaan yang dicapai oleh Umno menerusi pakatan dengan kaum Cina dan India dalam Perikatan, sebaliknya memandangnya dengan sinis dan menganggapnya sebagai kemerdekaan kosong.

Atas kepercayaan dan dendam kesumat inilah teretusnya Parti Rakyat Malaya dan juga Pas yang dikenali pada awalnya memperjuangkan nasionalisme Melayu berasaskan Islam, dan Parti Rakyat Malaya memperjuangkan nasionalisme Melayu berasaskan sosialisme yang condong kepada Indonesia.

Kepemimpinan kedua-dua parti ini berasal dari parti kiri Melayu yang dilumpuhkan oleh kebangkitan dan kejayaan Umno.

Siapa yang benar dan siapa yang salah dalam perjuangan politik pada hakikatnya tidak ditentukan kebenarannya oleh keputusan demokrasi, sebaliknya keadilan dan kebenaran itu tetap bergantung kepada di mana seseorang itu berdiri.

Maka, sekalipun revolusi Sukarno tidak mencapai matlamat, komunis dunia telah gagal, Parti Komunis telah hancur di Indonesia dan Malaysia, tetapi warisan mereka tetap menjiwai perjuangan asal.

Mereka tetap tidak dapat melihat kebenaran dan keadilan dari keadaan sekarang. Segala-galanya burukbelaka.

Agak janggal kita melihat bekas Marxist dan Lenninist di negara kita sedang memakai kaca mata imperialis dan kapitalis yang pernah menjadi musuh utama mereka untuk menganalisis situasi politik dan ekonomi Malaysia sekarang.

Hakikat bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersendirian menjuarai suara dunia ketiga dengan lebih efektif tidak dapat diterima oleh golongan ini, oleh kerana Dr Mahathir bukanlah suara rhetoric revolusioner yang berapi dan beremosi seperti pemimpin PKI, Aidid, Presiden Indonesia, Sukarno atau Presiden Mesir, Nasser.

Mereka terus dihantui oleh keyakinan bahawa kemerdekaan yang bernilai adalah daripada perjuangan berdarah dan kemerdekaan dari talam emas adalah kemerdekaan kosong.

Namun, hakikatnya kemerdekaan Malaya menerusi evolusi dan pengisiannya menerusi constructive engagement dengan Barat, telah memperlihatkan kepada dunia bahawa Malaysia hari ini lebih merdeka dalam suara dan tindakan

daripada negara-negara lain yang lebih dahulu mencapai kemerdekaan menerusi revolusi berdarah.

Krisis ekonomi Asia 1997 memperlihatkan kepada dunia betapa negara yang dianggap merdeka penuh menyerah diri kepada penjajahan ekonomi Barat secara tidak bermaruah.

Jati diri negara-negara ini di sebalik gambaran kemahkotaan budaya bangsanya ialah demonstrasi, kekerasan, keganasan yang tidak ada akhirnya dari sejak kemerdekaan hingga ke hari ini.

Sebaliknya, jati diri kita ialah evolusi berpanjangan menyelesaikan berbagai permasalahan sosial dan ekonomi menerusi kesepakatan antara kaum, muhibah, perpaduan, tolak ansur, toleransi dan diplomasi.

Percubaan untuk melumpuhkan asas-asas ini terus-menerus dilakukan oleh anasir-anasir ini dengan mengambil kesempatan daripada gerakan revolusioner dari luar yang secocok dengan keperibadian mereka, didorong oleh perasaan untuk membalas dendam dan bukannya konsep rasional.

Ini dilakukan oleh mereka dengan sedar atau tanpa sedar yang terlihat dalam masa konfrontasi Indonesia, revolusi Iran dan krisis ekonomi 1997-98.

Ini adalah menepati apa yang dikatakan oleh mendiang Tan Sri C C Too, Head of Psychological Warfare (56-83) yang tercatat dalam buku *The Communist Party of Malaya: The Inside Story* oleh Aloysius Chin, bekas pegawai polis:

"PKM was merely 'temporarily suspending' its armed struggle, but through infiltration and subversion with the help of communist surrogates would create a new revolutionary situation which would be expedited and aggravated by any future economic recession in the country. History is likely to repeat itself unless timely and positive actions are taken to prevent any recurrence."

Bagaimanapun, suatu tragedi telah berlaku kepada Umno sendiri apabila dalam keghairahannya untuk membendung golongan revolusioner yang berpotensi mengancam Umno telah membawa masuk anasir ini ke dalam Umno yang mengakibatkan malapetaka besar kepada perpaduan Melayu dan hampir meruntuhkan jati diri Umno.

Dr Mahathir yang berfikir bahawa golongan ini, jika dibiarkan berkembang di luar Umno, akan berpotensi menjadi cabaran besar kepada Umno, telah membawa mereka masuk ke dalam Umno dengan harapan akan dapat membendung mereka.

Tetapi ternyatalah penyusupan mereka secara strategik dan terhitung ke dalam Umno hampir menelan Umno itu sendiri dan membunuh identiti kepemimpinan Umno yang bersifat kemelayuan, liberal dan pragmatik.

Presiden Mesir, Anwar Sadat, telah melakukan perkara yang sama dengan tujuan untuk membendung gerakan Ikhwanul Muslimin tetapi akhirnya beliau dibunuh oleh mereka.

Bekas wartawan New York Times dan Wall Street Journal, Youssef M Ibrahim, menulis dalam *International Herald Tribune* 13 Ogos 2002: Anwar Sadat, who had struck his own alliance with the fundamentalist Muslim Brotherhood to fight the remnants of Nasserism, was killed by it. Later there were at least five attempts by Islamic extremists against the life of his successor, Hosni Mubarak.

Malam 28 Oktober 1998 telah menyaksikan penyatuan golongan ini dalam satu demonstrasi paling besar dan ganas yang hampir membakar seluruh Kuala Lumpur dan sekiranya berjaya, pastinya menggugat ekonomi dan kemerdekaan negara. Kita sekarang tentunya berada dalam cengkaman IMF dan melutut kepada kuasa besar.

Keupayaan mereka bersatu dalam sekelip mata dengan anasir luar hanya beberapa jam selepas tersingkir daripada Umno membuktikan bahawa mereka tidak pernah menjiwai Umno dan tidak menghargai asas kemerdekaan dan

dasar-dasar pengisian kemerdekaan yang meletakkan Malaysia kepada kekuatan dan keperibadian yang tersendiri.

Generasi muda yang tidak melalui proses sejarah ini, termasuk di dalam Umno sendiri, sukar untuk menilai pencapaian negara sekarang, sebaliknya keadaan sewajarnya demikian.

Mereka akan berkata setiap kerajaan mestilah memberikan kebajikan kepada rakyat, pendidikan, biasiswa, lebuhraya dan sebagainya.

Sesungguhnya negara ini telah diletakkan di atas asas yang menyimpang jauh daripada kepercayaan kebanyakan negara-negara baru merdeka dalam tahun 50-an dan 60-an yang mempersiapkan diri untuk terus berjuang menentang penjajahan baru dalam keadaan yang mundur dan miskin.

Warna kemerdekaan negara-negara Afro-Asia ketika itu ialah permusuhan terhadap Barat atau anti-Barat.

Oleh kerana kemunduran dan kemiskinan, negara-negara ini terlihat terikat dengan blok komunis yang lebih memusatkan kepada perjuangan ideologi, sebaliknya Malaysia dan Singapura, Thailand dan Filipina yang mengamalkan pasaran bebas dapat membangunkan masyarakat pengguna berasaskan kepada import dan eksport di samping membangunkan masyarakat bandar dan luar bandar. Malaysia menolak dasar xenophobia yang dianjurkan oleh komunisme.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, menyindir keadaan di Indonesia pada masa itu dengan menyimpulkan dasar-dasar Malaysia sebagai berikut: 'Memberikan makanan dan bukan peluru, menyediakan pakaian dan bukannya uniform dan mengadakan perumahan dan bukannya berek.'

Falsafah kemerdekaan inilah yang memperlihatkan penentangan terus-menerus Malaysia terhadap perjuangan yang bersifat ganas, militan dan ekstrem.

Setelah 45 tahun merdeka, kita masih dapat melihat bagaimana golongan ekstremis dan chauvinis Cina dan Melayu dapat kerjasama untuk mencapai matlamat masing-masing yang berbeza seperti bumi dengan langit.

Umpamanya, yang terbaru Dong Jiao Zong dan Pemuda Pas sepakat membantah penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik.

Umno dari sejak sebelum dan sesudah merdeka telah dapat menekan tuntutan chauvinis Cina yang mahukan bahasa Cina disetarafkan dengan kedudukan bahasa Melayu dan ditiadakan hak keistimewaan Melayu.

Tunku telah mengambil keputusan nekad untuk memisahkan Umno dengan golongan ekstremis Cina ini pada 1959 dan mengambil golongan Cina yang 'moderate' yang diketuai oleh Tun Tan Siew Sin sebagai rakan setia dalam Perikatan.

Anasir-anasir yang sama muncul semula sekarang dengan mengambil kesempatan daripada isu bahasa. Tidaklah hairan jika chauvinis Cina bekerjasama dengan chauvinis Melayu dan ekstremis Islam. Sejarah tetap berulang.